24 MAY 1996
Mahathir-lantik '''
YONG DILANTIK MINGGU DEPAN, MB KEDAH YANG BARU BELUM DIPUTUSKAN

KUALA LUMPUR, 24 Mei (Bernama) -- Datuk Yong Teck Lee akan dilantik sebagai Ketua Menteri Sabah minggu depan manakala Menteri Besar Kedah yang baru belum ditentukan, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini.

Perdana Menteri berkata Yang Dipertua Negeri Sabah telah dimaklumkan mengenai perlantikan Yong, Presiden Parti Maju Sabah, yang akan menggantikan Datuk Salleh Said Keruak dari Umno mengikut sistem penggiliran.

Dr Mahathir memberitahu pemberita sekembalinya dari lawatan 12 hari ke luar negara bahawa beliau telah menerima perletakan jawatan Tan Sri Osman Aroff sebagai Menteri Besar Kedah.

Bagaimanapun, tarikh berkuatkuasa perletakan jawatan itu belum ditetapkan manakala pengganti Osman akan diputuskan selepas beliau berbincang dengan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, kata Dr Mahathir.

Dr Mahathir telah memberi beberapa arahan umum kepada Anwar berhubung perlantikan Ketua Menteri Sabah yang baru sebelum Perdana Menteri berlepas ke luar negara.

Ketika itu, Yong masih menghadapi kes mahkamah kerana "terlibat dalam perarakan haram" di Sabah yang jika sabit kesalahan boleh menyebabkannya didenda RM2,000 dan sekaligus hilang kelayakan sebagai anggota Parlimen dan Dewan Undangan Negeri.

Bagaimanapun, Yong kemudiannya mengaku bersalah apabila tuduhan terhadapnya dipinda kepada "menyertai perhimpunan haram" dan beliau dikenakan hukuman denda RM1,000.

Mengenai Osman, Perdana Menteri sebelum ini sudahpun menerima surat perletakan jawatan Menteri Besar Kedah itu tetapi belum membuat keputusan sama ada menerima atau tidak.

Berikutan surat itu, Dr Mahathir telah mengadakan perjumpaan dengan semua anggota Dewan Undangan Negeri dan Parlimen dari Kedah secara berseorangan tetapi sehingga ini nama pengganti Osman masih belum diumumkan secara rasmi.

Sebelum ini, Anwar berkata, perlantikan Menteri Besar Kedah yang baru akan dibuat oleh Perdana Menteri sekembalinya dari luar negara.

Mengenai kenyataan Presiden Parti Melayu Semangat 46 (S46) Tengku Razaleigh Hamzah untuk mengadakan pertemuan sekali lagi dengan beliau, Dr Mahathir berkata, tarikh pertemuan itu belum ditetapkan.

"Kita boleh jumpa bila-bila, tak ada masalah," katanya.

Sebelum ini, mereka sudah bertemu dua kali bagi membincangkan soal perpaduan Melayu dan kemungkinan Tengku Razaleigh bersama-sama anggota S46 memasuki Umno secara beramai-ramai.

-- BERNAMA.

AH AHH